

Samurai: Peranannya dalam Sejarah Jepun

oleh

Azhar Hj. Mad Aros

PENGENALAN:

Negara Jepun telah mengalami suatu tempoh sejarah selama beberapa ribu tahun lamanya. Para pengkaji sejarah percaya bahawa orang-orang Jepun berketurunan daripada banyak keturunan puak-puak yang berasal dari banyak tempat di Asia termasuk China (Monggoloid), Kaukasus (Ainu) dan Nusantara (Edwin O. Reischauer, 1973:9). Seawal tahun 5000 SM, pulau-pulau di Jepun telah dihuni oleh penduduk yang menangkap ikan, berburu, mengumpul makanan dan pertanian. Budaya Jepun awal dipanggil **Jomon** bermaksud "corak tali" dimana tanah liat yang digunakan untuk membuat perik belanga dikenakan corak tersebut. Kemudian berlaku pula perubahan budaya yang besar di Jepun pada 300M dipanggil zaman **Yayoi** dimana masuknya tamadun Cina seperti padi sawah, logam, agama Buddha dan tulisan (Sansom G.B 1997:27). Peperangan memainkan peranan penting dalam sejarah Jepun. Puak-puak yang berperang menguasai sebahagian besar Jepun. Tiap-tiap puak mempunyai seorang ketua yang mempunyai kaitan kekeluargaan dengan keturunan keluarga diraja Jepun. Peperangan sering berlaku kerana berebut tanah. Di Jepun hanya 20% tanah sesuai untuk pertanian dan petempatan. Perebutan untuk menguasai tanah

yang sedikit itu telah menjadi sebab utama berlakunya peperangan dan munculnya golongan **samurai** di Jepun.

Salah satu tarikh penting dalam sejarah Jepun ialah 660SM dimana mengikut lagenda Jimmu Tenno telah dilantik sebagai ketua persekutuan puak-puak yang suka berperang. Tenno bermaksud "Pahlawan Ketuhanan". Beliau telah memimpin para pengikutnya dari Kyushu ke wilayah Kinki dan menewaskan penduduk asalnya. Tenno telah menetap disatu kawasan dipanggil **Yamato** yang kemudiannya menjadi dinasti Yamato. Para pemimpin Yamato percaya bahawa mereka dari keturunan dewi matahari "**Amateresu Omi-Kami**". Puak Yamato melaksanakan banyak kempen peperangan di tanah besar Asia termasuk China dan Korea. Kempen-kempen tersebut telah membawa kepada kemasukan pengetahuan China dan Korea ke Jepun dalam bidang budaya, teknologi dan seni mempertahankan diri. **Lagenda** Jepun menyatakan bahawa pemimpin tentera yang pertama dilantik ke jawatan "Shogun" ialah Keiko dan beliau mempunyai anak bernama Yamato. Yamato mempunyai sifa-sifat mulia dan berhemah seperti bijak, adil, berperni kemanusiaan, berani, kuat dan pandai dalam seni mempertahankan diri. Sifat-sifat beliau inilah kemudiannya dijadikan contoh atau model bakal seorang samurai. Selain daripada pedang panjang, pakaian kalis senjata tajam dan panah, golongan samurai kemudiannya diperkenalkan dengan kuda dan senjata api. **Falsafah Bushido** ialah membebaskan diri daripada perasaan takut (mati). Ini memberikannya keyakinan dan kekuatan untuk berkhidmat pada ketua dengan taat setia dan tugas utama samurai ialah menjalankan "**tanggung-jawab**".

Kemunculan golongan feudal pada abad ke 13 mewujudkan segolongan kumpulan bersenjata yang mematuhi perintah tuan-tuan tanah daimyo. Mereka dikenali sebagai samurai. Perkataan ini bermaksud seseorang yang mengabdikan diri kepada golongan bangsawan sehingga membawa kepada kekuasaan golongan samurai di beberapa provinsi. Pemberontakan Taira-no-Musakado dan Fujiwara-no-sumitomo yang terjadi di bahagian timur dan barat Jepun menunjukkan kemunculan golongan samurai yang menggoncangkan kedudukan golongan bangsawan pada ketika itu. Pada detik inilah mulanya kemunculan golongan samurai atau kesatria itu (Jonathan Norton Leonard, 1969:55).

ASAL KEWUJUDAN KAUM SAMURAI

Di awal zaman Heian di Jepun, status rendah golongan tentera tidak mempengaruhi pemikiran di bahagian lain Jepun. Di wilayah luaran tanpa kehadiran kawalan yang berkesan daripada kerajaan pusat untuk menguatkan undang-undang, perompakan dijalanan oleh golongan perompak telah menjadikan seni mempertahankan diri penting. Lebih-lebih lagi apabila pergeseran antara keluarga yang ingin merebut tanah dan kuasa telah wujud. Dengan ini tentera yang terlatih juga menjadi semakin penting. Anak-anak yang lebih muda dan keluarga tanggungan pemilik estet terdorong untuk memperbaiki kecekapan sebagai penunggang kuda, memanah dan sebagai pahlawan yang pandai bermain pedang yang direka khusus untuk bertarung. Para pahlawan mengangkat sumpah untuk memberikan taat setia kepada tuannya Ketua samurai (Daimyo) ini adalah jauh daripada keluarga diraja. Ini bermakna mereka bebas daripada kawalan kerajaan pusat dan memerintah wilayah mereka sendiri mengikut budi bicara. **Tuan tanah** yang kecil mendapati bahawa adalah untung memberi bantuan kepada tuan tanah berjiran yang lebih tinggi tarafnya kerana sebagai balasan mereka mendapat perlindungan keselamatan. Dalam hal ini kesetiaan yang tidak berbelah bahagi amat di tuntutan oleh ketua dan ianya melebihi kesetiaan kepada maharaja. Akibatnya masyarakat Jepun amat menghargai nilai-nilai tradisional yang bersifat kelakian seperti stamina, keberanian, pengorbanan dan kesetiaan. Pandangan ini dianggap lebih tinggi daripada nilai-nilai kewanitaian yang jelas diamalkan di Kyoto pada masa itu.

Pada penghujung abad ke-10, kerajaan pusat yang dibawah kawalan **Fujiwara** telah meminta para pemimpin wilayah untuk menghantar tentera bagi membantu menghapuskan pemberontakan oleh tuan-tuan tanah yang ingin merebut kuasa di wilayah timur dan utara. Keadaan huru-hara juga menjadi kebiasaan di ibukota dan kawasan yang berdekatan dengannya. Pada abad ke-11 keluarga Fujiwara mendapati perlunya meminta bantuan keluarga **Minamoto** di lembah Kanto menghantar tentera menghapuskan pemberontakan oleh tentera kuil disekitar Kyoto. Pada masa yang sama dibahagian selatan dan barat satu cabang keluarga **Taira** telah menubuhkan kekuasaan dan perkhidmatan kepada kerajaan pusat untuk menentang lanun di laut dalaman. kerajaan pusat yang lemah telah mula mengharapkan pasukan tentera persendirian untuk mengekalkan kuasanya dan sandaran ini amat merbahaya. Dari sinilah munculnya kaum **Bushi** (samurai) yang mula unggul peranannya di zaman kerajaan Heian

(794-1185) iaitu pada tahap kedua dan pengaruh golongan ini terus berkembang dengan pesat sehingga dapat mempengaruhi cara hidup rakyat di Jepun sehingga ke masa ini. Para pahlawan (samurai) mengamalkan suatu kod etika kepahlawanan yang dipanggil 'Code of Bushido' dimana seseorang pahlawan itu dididik tentang disiplin diri, kesetiaan, kepahlawanan, kemanusiaan, pengorbanan dan usaha. Lebih daripada itu golongan samurai juga dipengaruhi oleh ajaran dan falsafah Mazhab Zen. Pada zaman kegemilangan kerajaan Heian ini negara Jepun lebih berkiblatkan kepada negara China terutamanya dari segi kebudayaan.

Pada peringkat awal kemunculannya kelas aristokrat iaitu pemerintah yang memperoleh kuasa dan kesahan mereka kerana mereka lebih rapat dengan maharaja mendapati asas sokongan ekonomi mereka perlahan-lahan beralih kepada kelas kesatria yang baru bangkit dari kelas petani kaya serta aristokrat yang telah menetap di wilayah-wilayah dan mendirikan asas kekuasaan yang teguh menerusi pengurusan pertanian.

Perkara ini berlaku kerana merosotnya keberkesanan usaha kerajaan pusat menjaga tata tertib awam. Akibatnya pengawal-pengawal daerah dan keluarga berpengaruh di kem-kem mula mengutamakan hal ehwal persenjataan. Mereka tidak saja bertugas sebagai pentadbir, pengurus tanah, tetapi juga sebagai polis demi menjaga ketenteraman kawasan masing-masing. Maka pada abad ke 11, telah muncul satu golongan militer yang memainkan peranan khas dalam masyarakat dan golongan ini dikenali sebagai Bushi yang juga disebut sebagai 'samurai'.

Kemunculan golongan samurai ini juga berlaku disebabkan keadaan yang berlaku di kawasan pedalaman dimana telah berlaku peningkatan jumlah ladang-ladang persendirian turun-temurun yang dikenali sebagai 'shoen'. Keadaan ini telah menyebabkan lumpuhnya sistem pengagihan tanah awam yang menjadi asas sistem perundangan sebelum ini. Golongan peringkat bawahan tidak mendapat sebarang kuasa menjadi pentadbir tempatan. Di wilayah-wilayah mereka mendapat kuasa dengan menguasai petani. Dengan mendapat kuasa dari ketua-ketua tempatan, petani mendapat tanah atau plot tersendiri untuk bercucuk tanam. Dengan berbuat demikian mereka menjadi tuan tanah. Jumlah petani yang mendapat plot persendirian yang memakai nama sendiri juga meningkat.

Kehancuran sistem pentadbiran tempatan adalah berpunca dari kelemahan Gabenor Wilayah atau 'kokuji' dalam mengawal undang-undang dan keamanan

awam. Banduan-banduan yang terlepas dari tahanan pula telah menubuhkan kumpulan jenayah. Dengan menghadapi masalah ini tuan tanah dan para petani bersatu padu untuk mempertahankan diri.

GOLONGAN SAMURAI PADA ZAMAN FEUDAL

Semua perkembangan diatas telah mewujudkan satu masyarakat Samurai. Tuan-tuan tanah membuat perhubungan dengan tuan-tuan tanah yang memperoleh perlindungan tentera keatas kediaman mereka. Bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman awam, gabenor juga memberi tuan tanah kuasa sebagai pendakwa dan memberikan kuasa persenjataan. Dengan memperoleh kekuasaan daripada pertalian yang mereka jalinkan dengan lapisan masyarakat yang lebih rendah dalam bentuk kontrak feodal **pembesar-vassal**, golongan kesatria akhirnya menubuhkan kelas pemerintah tradisional dan menubuhkan sebuah masyarakat feodal yang baru (Yutake Tazawa, 1987:1).

Dari segi struktur sosial, golongan samurai adalah lebih rendah daripada golongan bangsawan. Namun seperkara yang jelas dilihat ialah para pemimpin samurai adalah terdiri dari golongan bangsawan sama ada dari keluarga Taira atau Minamoto. Bagaimanapun di wilayah-wilayah, keadaan-keadaan ini merosot dengan cepat iaitu apabila berlaku pemindahan kuasa yang sebenar kepada golongan samurai sendiri. Ianya berpunca daripada kesan perang saudara pada era **Hogen** (1156) dan **Henji** (1159-60) yang telah membuka jalan untuk golongan Samurai menembusi kerajaan pusat.

Menjelang akhir abad ke 11, keluarga Fujiwara tidak lagi menonjolkan pemimpin-pemimpin yang berupaya dan berkaliber. Ketika itu, Jepun telah memperlihatkan kemunculan golongan tentera atau perwira yang berpusat kepada dua keluarga penting iaitu Taira dan Minamoto. Kedua-dua keluarga ini telah menuntut hak ketuanan mereka dari keluarga Imperial. Mereka terlibat dalam suatu pergelutan yang amat pahit bagi keunggulan tentera di Jepun. (Menurut adat pemerintahan di Jepun jika sesebuah keluarga samurai menang dalam pertarungan merebut kuasa, Maharaja Jepun dengan sendirinya mengikut apa juga keputusan dan polisi pemerintahan Jepun). Keadaan ini bertambah buruk lagi oleh hakikat bahawa kedua-dua golongan ini menyokong golongan yang berbalah dalam kerajaan Heian (M. Rajendran, 1988:15).

Walaupun pemerintah Sekkon telah diambil oleh Insei, Insei itu sendiri telah mempunyai kuasa sepenuhnya untuk melenyapkan Fujiwara. Sebenarnya, kemunculan Insei yang anti Fujiwara dan Samurai yang bertugas sebagai pengawal

maharaja yang bermodalkan pengawal maharaja untuk majlis perundangan. Keadaan ini membolehkan kelas samurai mendapat kuasa secara perlahan-lahan untuk menumpaskan keluarga Fujiwara. Taira yang mendapat kuasa sebagai pengawal maharaja boneka mengalahkan kumpulan sami-sami bersenjata dan mengukuhkan Insei bagi mendapatkan kuasa. Taira menjadi wakil kekuasaan samurai dan membawa golongan aristokrat ke dalam politik Jepun (G. Cameron Hurst, 1976: 10).

Apabila konflik berlaku pada tahun 1156M diantara maharaja yang telah bersara dengan Go Shirakawa Taira-no-Kiyomori dan Minamoto-no-Yoritomo menyebelahi maharaja Go Shirakawa (1127-1192) menumpaskan maharaja yang telah bersara dan memperkukuhkan penguasaan suku kaum samurai di ibu negeri Nara. (kekacauan Hogen 1156).

Kemudian berlaku perselisihan suku kaum Minamoto dan Taira. Taira-no-kiyomori telah menggunakan maharaja Go Shirakawa untuk mengguling keluarga Minamoto. Peristiwa itu dikenali sebagai kekacauan Henji (1159). Perjuangan yang pahit itu tamat apabila keluarga Taira mengalahkan keluarga Minamoto pada tahun 1160. Pada tahun yang sama juga golongan yang disokong oleh keluarga Taira berjaya mengambil alih kuasa dalam kerajaan Heian.

Taira-no-kiyomori (1118-1181) menyedari bahawa beliau merupakan orang yang paling berkuasa di negara tersebut. Maharaja yang terdiri dari keluarga Fujiwara tidak berkuasa lagi. Taira dan pengikutnya telah mengambil alih kerajaan. Taira telah dilantik menjadi Perdana Menteri. Untuk memperkukuhkan lagi kedudukannya beliau telah mengahwinkan anak perempuannya Tokuko dengan ahli keluarga maharaja. Beliau kemudiannya menabalkan anaknya (maharaja Antoku) menaiki takhta kerajaan. Keadaan ini menamatkan pegangan keluarga Fujiwara ke atas pengaruh kuasa Jepun secara berkesan. Dengan demikian keluarga Fujiwara hanya menjadi pemimpin boneka dan hanya menunggu masa sebelum mereka disingkirkan dari politik negara tersebut (M. Rajendran, op.cit: 15). Manakala keluarga Taira pula telah diberi kemudahan di dalam kenaikan pangkat dalam pentadbiran dan mereka telah memperolehi lebih dari 500 shoen (estet-estet persendirian).

Menurut R.H.P. Mason dan J.G. Caiger dalam bukunya "A History of Japan".

"Kiyomori out did his social superior in ways not quite familiar, by making best possible matches for his daughters. AS a result and much to

his joy, he become the grandfather of both future emperor and the head of Fujiwara house. Others, and usually older members of the Taira family were given a high propotion of posts in the provincial adminstration, and they accumulate more than five hundred shoen" (R.H.P. Mason & J.G. Caiger, 1972:99)

Dari petikan diatas, maka jelaslah menunjukkan bagaimana keluarga Taira dan pengikutnya khasnya yang terdiri dari golongan samurai telah dapat wujud dan mengukuhkan kedudukan mereka pada ketika itu. Kebijaksanaan **Taira-no-Kiyomori** patut dipuji dalam mengukuhkan kedudukan keluarga Taira dan golongan samurai pada era itu.

Pada tahun 1180, satu peperangan telah meletus diantara keluarga Minamoto dan keluarga Taira. Akhirnya pada tahun 1185 **Yoritomo** telah berjaya mengalahkan keluarga Taira dalam satu perjuangan yang hebat di **Dannoura**. Dengan kekalahan tersebut, Minamoto Yoritomo muncul sebagai pemimpin yang paling berkuasa di Jepun. Beliau telah mendirikan ibu negeri di **Kamakura** (1185-1133) (M. Rajendran, op.cit:17).

Dalam tahun 1192, beliau telah memakai gelaran Sei-i-Taishogun atau panglima dan, telah memainkan peranan penting dalam penubuhan kesyogunan ini. Kamakura telah menjadi ibu negeri dan pusat perkembangan politik Jepun. Walaupun Kamakura telah menjadi ibu negeri, namun tidak bermakna bahawa seluruh jentera pentadbiran telah dipindahkan ke Kamakura.

Bakufu tidak mempunyai struktur kerajaan yang lengkap. Struktur pentadbiran adalah mudah dan ia terdiri dari tiga jabatan utama iaitu **Samurai-dokoro, Mandokoro dan Manchujo**. Samurai-dokoro menguruskan semua hal ehwal tentera seperti menentukan hak-hak istimewa, obligasi-obligasi, harta benda, pangkat dan lain-lain. bagi semua kakitangan tentera. Tujuannya ialah untuk membawa semua samurai di bawah satu disiplin dan juga mengukuhkan kedudukan samurai sebagai kelas yang paling berkuasa di Jepun. Samurai dokoro juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua daimyo (tuan-tuan tanah) atau vassal (tuan tanah penyewa) berada di bawah kawalan **Bakufu**. Oleh yang demikian, organisasi ini menentukan tingkah laku tuan-tuan sewa tanah disamping menentukan perkahwinan, pembelajaran mereka dan lain-lain.

Dalam buku "Early Japan" ada dinyatakan bahawa:

"The Bakufu executives appointed provincial official and managed public works such as harbours, land reclamation and irrigation improvements. When disputes arise among the feudal lords or their samurai, the samurai dokoro usually settled them with a minimum bloodshed" (Jonathan Norton Leonard, 1969:60)

Tegasnya di sini menunjukkan bahawa golongan samurai merupakan golongan yang paling penting dan berpengaruh dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran negara khasnya dan keluarga Yoritomo amnya. Apabila golongan samurai menjadi golongan terpenting dalam organisasi pentadbiran negara, maka ianya mencerminkan kepada kita bahawa kemunculannya telah diiktiraf dan kedudukannya semakin mantap dan kukuh.

Feudalisme yang wujud di zaman Kamakura telah menjadi sebab utama kemunculan estet-estet persendirian (shoen) di Jepun. Pertumbuhan shoen telah memperlihatkan pemindahan kuasa dari kerajaan pusat kepada tuan-tuan tanah di wilayah-wilayah. Pertumbuhan feudalisme juga telah dipercepatkan oleh kemerosotan golongan aristokrat dan kebangkitan kelas samurai di wilayah-wilayah. Golongan samurai telah memberikan taat setia dan kepatuhan kepada Kamakura. Kewajipan mereka kepada Bakufu lebih diasaskan dari segi moral dan undang-undang. Mereka juga telah menerima ganjaran berupa hadiah dari kerajaan di atas taat setia mereka menjalankan tugas. Ini dapat dibuktikan dengan petikan berikut.

"Warriors were loyal to military leaders because they could expect tangible rewards for their services," (R.H.M. Mason & J.G. Caiger, op.cit: 96)

Dengan kemunculan feudalisme di Jepun dan ganjaran-ganjaran dari kerajaan, maka ianya telah membuka jalan kepada kemunculan golongan samurai di wilayah-wilayah. Pada abad ke-12, golongan Bushi telah menjadi golongan unggul dalam masyarakat. Peranan mereka ini berterusan hingga tahun 1870-an. Cara kehidupan dan nilai Bushi disanjung tinggi dan menjadi contoh kepada rakyat. Kesedaran ini telah membawa kepada penyusunan prinsip-prinsip kehidupan yang dikenali sebagai "Bushido" (kehendak-kehendak kesatria). Bushido adalah kod prinsip moral dimana para kesatria dikehendaki atau diarah untuk

mengikutnya. Ia tidaklah merupakan satu kod yang bertulis, paling-paling merupakan beberapa pepatah yang diwarisi secara lisan ataupun dari buah pena kesatria atau sarjana yang terkenal. Ia merupakan kod yang tidak terucap atau tertulis-kerana itu ia jauh lebih berkesan, seolah-olah merupakan undang-undang yang terukir pada jantung hati. Ia tidak wujud berdasarkan ciptaan seseorang individu, tetapi ia merupakan hasil dari perkembangan organik dari kehidupan militer yang berdekad-dekad dan berketurun-kurun .

Golongan ini melahirkan kaum baru alam masyarakat Jepun yang mempunyai gaya kehidupan yang berbeza daripada kehidupan aristokrat di istana di ibukota. Cara hidup yang berjimat cermat, kesederhanaan, berbudi pekerti, kesetiaan, keteguhan akhlak, kesopanan dan keberanian adalah penting dalam kehidupan seharian mereka. Membina keteguhan budi pekerti dan mendisiplinkan diri paling penting pada etika kesatria. Dua simbol kelas kesatria adalah pedang yang melambangkan semangat kesatria dan bunga sakura yang melambangkan kesediaan kesatria mengorbankan diri demi kepentingan tuan mereka. Sebagai seorang pahlawan yang setia, samurai lebih bersedia untuk mati di medan perang dari menyerah diri kepada musuh. Amalan "seppuku" atau "harakiri" dianggap mulia dikalangan golongan samurai kerana ianya melibatkan harga diri mereka.

Amalan "seppuku" tidaklah merupakan satu proses membunuh diri. Ia adalah satu institusi yang sah disisi undang-undang serta berpacara. Ia merupakan satu proses yang membolehkan kesatria menebus perbuatan jahatnya, meminta ampun atas kesalahannya, melepaskan diri dari penghinaan, membuktikan keikhlasannya dan lain-lain. Ia merupakan pemusnahan diri yang murni dan ianya mestilah dijalinkan dengan ketenangan dan kesabaran yang amat sangat. Oleh sebab-sebab ini, ianya amat sesuai dengan penghidupan Bushi.

Kaum bushi menganggap mereka sebagai pemimpin paling layak menerajui pentadbiran masyarakat. Ini kerana mereka telah memperlihatkan kebolehan mereka sebagai pemerintah, penjuang dan penjaga ketenteraman awam. Mereka memandang rendah golongan bangsawan di istana kerana mereka merasai diri sendiri lebih unggul dari golongan lain (Conrad Totman, 1970: 77). Apabila keyakinan ini wujud di kalangan kaum Bushi, maka sudah tentu golongan ini dapat memperkembangkan pengaruh mereka di kalangan masyarakat Jepun.

Dari keterangan-keterangan diatas, maka jelaslah kepada kita bagaimana golongan Bushi ini telah dapat wujud dan memperkukuhkan kedudukan mereka dikalangan masyarakat Jepun. Satu perkembangan yang agak menonjol di dalam

perkembangan kaum Bushi ialah faktor kewujudan dan memperkukuhkan kedudukan kaum Bushi ini mempunyai kesinambungan yang agak keterlaluan atau dalam kata lain mempunyai hubung kait yang agak rapat. Kini, walaupun zaman kegemilangan kaum Bushi telah berakhir, namun golongan yang mendominasi bidang pentadbiran di Jepun adalah terdiri dari cucu cicit atau keturunan golongan Bushi sendiri.

1.4 GOLONGAN SAMURAI PADA ZAMAN TOKUGAWA

Pada zaman pemerintahan kerajaan Tokugawa kerajaan Bakufu menetapkan pembahagian yang ketat terhadap kelas-kelas dalam masyarakat Jepun. Puncak piramid susunan kelas-kelas ini ialah golongan bangsawan (Kuge), golongan daimyo dan Hatamoto. Selain daripada kumpulan ini rakyat jelata dibahagikan kepada empat kelas yang utama iaitu pahlawan (samurai), tani (Nomin), petukang (shonin) dan saudagar (Chonin). Di sini golongan samurai yang menduduki tempat teratas dalam masyarakat Jepun menikmati kedudukan yang istimewa dikalangan rakyat biasa. Kebanyakan dari mereka tinggal di bandar-bandar istana (jokamachi) dan sepanjang zaman ini golongan samurai telah mengambil kakitangan-kakitangan untuk bekerja di dalam kerajaan Edo dan Han.

Golongan samurai merupaka enam peratus daripada penduduk Jepun pada ketika itu. Mereka tidak dibenarkan untuk berkahwin dengan golongan bawahan malahan di dalam golongan samurai sendiri terdapat golongan samurai atasan dan bawahan yang membezakan mereka. Seseorang samurai golongan atasan tidak boleh mengahwini golongan bawahan dan begitu juga sebaliknya (Albert C. Ganley, 1989: 80). Suatu perkara yang membezakan antara golongan samurai dengan kelas bawahan yang lain ialah mereka memakai pedang tetapi mereka bekerja sebagai pegawai kerajaan. Pada mulanya mereka dibayar dengan upah yang tinggi tetapi kedudukan mereka semakin merosop sepanjang zaman keamanan. Ini kerana golongan daimyo tidak mampu membayar upah yang tinggi kepada mereka. (Ronald Posner, 1975:19)

Ramai diantara pemimpin-pemimpin Meiji adalah terdiri dari golongan samurai dari kelas rendah dalam kerajaan Edo dan Han. Mereka telah meningkat naik ke dalam jawatan-jawatan birokratik yang tinggi dalam suku maum barat yang terdiri dari Chosu, Satsuma, Hizen dan Tosa. Kelas samurai juga muncul sebagai kelas yang paling berpendidikan dalam Sistem Sosial Tokugawa. Bakufu

juga menggalakkan pelajaran dikalangan samurai dan menjelang akhir era Tokugawa terdapat hampir 250 buah sekolah khas untuk anak-anak lelaki golongan Samurai diseluruh Jepun (M. Rajendran, op.cit: 45-46).

Golongan samurai juga dikatakan menjadi punca kepada kejatuhan keshogunan Tokugawa dimana pada era kewanang yang panjang (250 tahun) golongan samurai yang tinggal di Edo dan bandar-bandar istana yang lain telah ketagih kepada sifat kemewahan dan keborosan. Ini telah menjadikan mereka kelas yang lemah dan bergantung kepada orang lain. Lebih-lebih lagi kemiskinan Kesyogunan Tokugawa dan golongan daimyo telah menjejaskan kesejahteraan golongan samurai. Golongan daimyo yang jatuh miskin telah mengurangkan gaji samurai mereka atau menahan sebahagian dari gaji mereka. Ini menimbulkan banyak kesulitan kepada kelas ini. Akibatnya menjelang akhir abad ke -18, golongan samurai menghadapi masalah ekonomi yang serius. Mereka banyak berhutang kepada golongan saudagar terutamanya broker-broker beras. Ramai samurai yang berkhidmat sebagai pegawai-pegawai rendah di Bakufu dan pentadbiran-pentadbiran han mula mengamalkan rasuah. Akhlak mereka berada di tahap yang rendah sekali dan akhirnya runtuh sama sekali (M. Rajendran, op.cit: 54-55).

Akibatnya mereka mula hilang sikap kesetiaan terhadap tuan-tuan mereka. Oleh kerana mereka tidak dapat bergantung terhadap gaji-gaji mereka beberapa dari mereka telah memutuskan ikatan dan menjadi ronin atau samurai yang tidak bertuan. Mereka nmerayau-rayau dan melibatkan diri dalam kegiatan penyamunan dan keganasan. Golongan ini menjadi penyebab utama keadaan kacau bilau pada ketika itu. Ada diantara mereka yang menjadi petani manakala ada yang menjadi buruh menyebabkan kedudukan dan status sosial mereka jatuh sama sekali pada ketika itu. Dikalangan samurai dari kelas rendah, perbezaan ini tidak dirasakan jelas dan ketara. Ada diantara mereka yang mengaturkan perkahwinan dengan anak saudagar manakala ada juga yang mengambil anak saudagar dan petani yang kaya sebagai anak angkat untuk mendapatkan bayaran. Samurai yang lebih miskin pula telah menggadaikan milik mereka yang utama iaitu pedang mereka kepada saudagar-saudagar.

Kedadaan ini menyebabkan ada diantara samurai-samurai yang mula menimbulkan perasaan anti Bakufu dan turut serta dalam rusuhan anti- Bakufu yang melemahkan kestabilan politik keshogunan Tokugawa. Setelah negara-negara barat dengan dimulakan oleh Amerika merempuh masuk ke Jepun setelah Perjanjian Kanagawa (31 Mac 1854) ditandatangani, golongan samurai muda

yang menyadari tentang kelemahan kesyogunan Tokugawa telah (terutamanya dari wilayah barat) telah cuba menggulingkan bakufu dan dalam usaha mereka untuk menggulingkan Bakufu, samurai seperti Saigo, Okubo, Kido dan lain-lain telah memperolehi beberapa sokongan dari golongan saudagar di Kyoto. Mereka telah menggunakan gelaran "sonno joi" untuk menarik sokongan dan mengasuh sentimen anti-Bakufu dikalangan rakyat Jepun. Slogan ini telah menarik ramai samurai yang membenci orang asing termasuk tuntutan agar kesyogunan dihapuskan dan pengembalian pemerintahan Maharaja. Hal ini telah membawa kepada penggulingan bakufu pada tahun 1867 dan membawa kepada pemodenan dalam era Meiji (1868-1912) (M. Rajendran, op. cit: 57-58).

Menjelang tahun 1867, berlaku perubahan dalam sistem politik di Jepun dimana golongan saudagar mulai muncul sebagai kelas yang utama akibat daripada perdagangan yang berkembang dan proses urbanisasi yang telah membawa kekayaan kepada kumpulan ini. Hal ini juga telah membawa kemiskinan golongan tentera terutamanya golongan daimyo dan samurai yang menjadi tulang belakang sistem politik Tokugawa.

Jelasnya bolehlah dikatakan bahawa pada akhir zaman kerajaan Tokugawa, kaedah ekonomi untuk melaksanakan sesuatu telah berubah, namun kaedah politik yang digunakan adalah masih sama. Golongan saudagar (Chonin) mempunyai wang tetapi tidak mempunyai pangkat dalam sistem sosial Tokugawa. Sementara itu golongan samurai pula mempunyai pangkat tetapi tidak mempunyai wang. Ikatan rambut dan pedang tidak lagi bermakna dalam keadaan seseorang yang tidak lagi berwang dan dalam keadaan kelaparan (Ronald Posner, op.cit:19).

1.5 GOLONGAN SAMURAI PADA ZAMAN MEIJI

Pembukaan Jepun kepada negara-negara Barat telah membawa kepada revolusi politik. Selepas shogun meletakkan jawatannya pada tahun 1867, maharaja Meiji yang masih muda telah menggantikan shogun sebagai pemerintah Jepun. Pada tahap inilah musuh-musuh lama shogun terus mendakwanya sebagai tidak berupaya melakukan tugas kerana tidak berjaya mengusir Perry. Ini kerana gelaran 'shogun' yang diberikan kepadanya bermaksud bahawa beliau haruslah menghapuskan ancaman luar seperti Perry. Daimyo wilayah Satsuma dan Choshu yang selama dua abad memendam dendam mereka untuk menghapuskan shogun kerana kekalahan mereka pada tahun 1600. Pada tahun 1862, sewaktu pulang dari menghantar utusan kepada Shogun, sekumpulan 400 utusan daimyo yang

dalam perjalanan pulang ke Satsuma terserempak dengan empat pegawai British yang menunggang kuda warga British. Mereka enggan tunduk untuk memberikan laluan kepada rombongan dari satsuma itu. Perselisihan di jalan itu menyebabkan seorang samurai membunuh seorang pegawai British bernama Richardson. Kerajaan British seterusnya memohon ganti rugi dari daimyo Satsuma tetapi mereka enggan. Kerajaan British kemudiannya menghantar kapal membedil bandaraya itu menyebabkan daimyo Satsuma terpaksa menyerah dan menghukum samurai yang membunuh Richardson. Mereka kemudiannya memesan senjata dari British sebagai tanda tunduk kepada British (Ronald Posner, *op.cit*: 26).

Bermula dengan pemulihan Meiji, kepimpinan kerajaan baru telah didominasi oleh samurai baru dari kaum Satsuma atau Chosu dan oligarki **Sat-cho**. Pada tahun 1868, samurai dianggap sebagai satu ancaman kepada Jepun. Seorang daimyo kadangkala tidak dapat mengawal samurainya. Ini kerana tindakan seseorang samurai tidak dapat dijangkakan. Insiden yang berlaku terhadap Richardson misalnya, menunjukkan betapa sikap seorang samurai yang menganggap bahawa tindakan mereka adalah benar kerana menurut undang-undang mereka adalah salah untuk tidak menyerang Richardson. (Ronald Posner, *ibid*:31)

Antara tahun 1867 hingga 1868, pasukan tentera maharaja telah menewaskan pemberontakan samurai dengan menggunakan pasukan tentera yang dilatih dengan senjata dan latihan Barat. Kemenangan ini menyedarkan pemimpin Jepun bahawa mereka patut mengubah sistem lama 'han' dengan sebuah kerajaan pusat yang didokong oleh maharaja. Daimyo kemudiannya memulangkan tanah mereka kepada maharaja bersama-sama dengan tanggung jawab mereka terhadap samurai namun mereka tidak mampu untuk membayar upah samurai. Samurai kini tidak lagi berperanan seperti dahulu dengan melakukan tugas pejabat kerana telah terbukti bahawa rakyat biasa juga boleh melakukan tugas dengan baik jika diberi latihan yang baik. Oleh itu kerajaan mengambil langkah menghapuskan kedudukan istimewa samurai pada tahun 1870-an. Mereka tidak lagi dibenarkan memakai pedang dan baju tentera mereka malahan ikatan rambut mereka dibuka. Namun mereka diberi sedikit wang untuk membuka perniagaan. Samurai kini menjadi seperti rakyat biasa (Ronald Posner, *ibid*: 31).

PENUTUP DAN KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan dapatlah dijelaskan di sini bahawa golongan samurai muncul ketika Jepun berada dalam zaman peperangan dan pada ketika itu kedudukan mereka berada dalam keadaan yang kukuh disebabkan beberapa faktor terutamanya keadaan persekitaran pada ketika itu yang memerlukan kuasa tentera sebagai penjaga keamanan dan mengawal keadaan di Jepun pada ketika itu. Namun golongan ini gagal untuk meletakkan diri mereka di tahap yang selesa pada zaman berikutnya menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang hasil dari kesetiaan membuta tuli mereka kepada golongan tuan tanah (daimyo).

Perubahan zaman pada ketika itu membawa kepada keruntuhan dari segi kedudukan sosial golongan samurai menyebabkan mereka hilang status sosial mereka pada akhir zaman Tokugawa. Kedudukan mereka terus berkubur pada zaman pemerintahan Meiji dimana kedudukan istimewa mereka terus dihapuskan dari sistem Jepun menjadikan mereka sebagai orang biasa. Golongan samurai yang hilang status dan profesyen dalam dunia moden zaman meiji di Jepun telah aktif dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Mereka telah menubuhkan gabungan persatuan pedagang dan pemodal yang berwibawa di Jepun dikenali sebagai 'Zaibatsu'. Golongan zaibatsu ini beserta persatuan ultra-nasionalis Jepun kemudiannya telah menentukan hala-tuju Jepun kearah militerisme dan Perang Dunia Kedua. Selepas Perang Dunia Kedua, Jepun tewas pihak SCAP telah mentadbir Jepun (1945-1952) dimana antara lain Jepun telah 'dibersihkan' dari anasir-anasir militerisme dan pengaruh Zaibatsu (Arthur Cotterell, 1993:194). Selepas itu Jepun telah berusaha membangun semula dari keruntuhan perang dan sekali lagi golongan pedagang yang berakar-umbi dari keturunan samurai ini telah berjaya memajukan Jepun pada tahap yang menakjubkan dunia. Kini Jepun dianggap sebagai salah sebuah negara terkaya di dunia dan banyak membantu negara membangun termasuk Malaysia. Jepun juga kini dianggap pemimpin bagi Asia khususnya dan global amnya.

BIBLIOGRAFI

- Beasley, W.G., 1970, *The Modern History of Japan*, New York.
- Blacker Carmen., 1964, *The Japanese Enlightenment, A Study of The Writing of Fukuzawa Yukichi*, Cambridge University Press.
- Borton Hugh., 1965, *Japan's Modern Century*, New York .
- Christopher Robert C., 1983, *The Japanese Mind, The Goliath Explained*, Linden Press New York.
- Eiichiro Ishida., 1986, *Budaya Jepun: Kajian tentang asal-usul dan ciri*, Kuala Lumpur.
- Ganley, Albert G., 1989, *Japan: A Short History*, Wayside Publishing, USA.
- Hurst, G. Cameron, 1976, *Insei Abdicated Sovereign in the Politics of late Heian Japan*, London.
- Leonard, Jonathan Norton, 1969, *Early Japan*, Time Life International, Nederland.
- Mason, R.H.P. dan Caiger, J.G., 1972, *A History of Japan*, Turtle Comp., London.
- Posner, Ronald, 1975, *Tradition in Transition: The Modernization of Japan*, MacMillan Publishing Co. Inc., New York.
- Taro Sakamoto., 1982, *Jepang dulu dan sekarang*, Gajah Mada University Press.
- Tazawa, Yutaku dan rakan-rakan, 1987, *Sejarah Kebudayaan Jepun: Satu Perspektif* (Terj.), M. Rajendran, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Malaysia.
- Totman, Conrad, 1970, *Japan Before Perry: A Short History*, University of California Press, Berkeley, L.Angelos, USA.

Taro Sakamoto., 1982, *Jepang dulu dan sekarang*, Gajah Mada University Press.

Poser ,Ronald., 1975, *Tradition in Transition*, Mac Millan Press.